

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
(PENAMPANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah kutipan GST yang dipungut oleh Kerajaan Persekutuan dari kawasan Parlimen Penampang bermula dari 1 April 2015 hingga ke hari ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tahun 2015 dan 2016 masing-masing adalah sebanyak RM27.012 bilion dan RM41.206 bilion. Manakala bagi tahun 2017, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 Januari 2017 hingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak RM19.311 bilion. Memandangkan GST adalah cukai di peringkat Kerajaan Persekutuan dan dikenakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, maka ia dikutip secara keseluruhannya tanpa mengambil kira lokasi pendaftaran

perniagaan atau pendaftaran perlesenan dibuat dan lokasi perniagaan dijalankan di sesuatu negeri atau daerah. Dalam konteks ini, kutipan cukai GST di mana-mana negeri atau daerah tidak menggambarkan bahawa kutipan tersebut adalah berkaitan secara langsung dengan aktiviti ekonomi di tempat berkenaan. Di samping itu, hasil GST import juga lebih tertumpu kepada negeri-negeri yang mempunyai pelabuhan utama. Walau bagaimanapun, berdasarkan pentadbiran aktiviti pengutipan GST yang dibuat mengikut lokasi pengimportan serta pembekalan barangan dan perkhidmatan, kutipan mengikut lokasi masih direkodkan di peringkat negeri-negeri. Kutipan GST tidak direkodkan berdasarkan kawasan parlimen atau daerah.